JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

PERAK STATE FORESTRY DEPARTMENT

HEBAHAN AWAM

PENGUATKUASAAN PERMIT MEMASUKI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) BAGI TUJUAN MENJALANKAN AKTIVITI REKREASI HARIAN MELALUI PAS BERMUSIM BAGI KAWASAN BUKIT KLEDANG, HUTAN SIMPAN KLEDANG SAIONG, DAERAH KINTA/MANJUNG.

Dalam menjalankan kuasa bagi Pihak Berkuasa Negeri (PBN) Perak Darul Ridzuan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan menguatkuasakan Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi tujuan menjalankan aktiviti rekreasi melalui pas bermusim bagi kawasan Bukit Kledang, Hutan Simpan Kledang Saiong, Daerah Kinta/Manjung kepada pengunjung yang memasuki kawasan ini **berkuatkuasa JULAI 2022.**

Berdasarkan Kajian Permit Masuk Secara Tahunan Bagi Menjalankan Aktiviti Rekreasi Harian yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan, sebanyak 50% responden telah bersetuju dengan kadar bayaran yang dinyatakan di dalam hebahan ini.

Penguatkuasaan permit memasuki Hutan Simpanan Kekal adalah selaras dengan seksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu tiada seorangpun boleh memasuki hutan tertutup tanpa kebenaran permit memasuki Hutan Simpan Kekal. Sehubungan itu, para pengunjung boleh memohon untuk mendapatkan kelulusan permit tersebut secara tahunan melalui sistem e-Permit (link) dengan kadar bayaran permit tahunan seperti di **Jadual (A) bermula 15 April 2022.**

Jadual A

Bil	Kategori	Bayaran (RM)/ Tahun
	WARGANEGARA	
1	Kanak-kanak (Bawah 18 tahun)	100.00
2	Dewasa (18 tahun dan ke atas)	200.00
3	Warga emas (60 tahun dan ke atas)	10.00
	WARGA ASING	
4	Kanak-kanak (Bawah 18 tahun)	400.00
5	Dewasa (18 tahun dan ke atas)	800.00
	YURAN PROSES PERMIT	20.00

Untuk makluman juga, bayaran yang dikenakan adalah untuk penggunaan perkhidmatan hutan sedia ada secara semula jadi dan bukan untuk penyediaan/penyelenggaraan fasiliti dan kemudahan berekreasi di dalam kawasan ini.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, sila hubungi Jabatan Perhutanan Negeri Perak di nombor 05-5288100/05-5288071/05-5288072 atau Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung di nombor 05-3661228.

Sekian, terima kasih.

Pengarah Perhutanan Negeri Perak